

## UEM Edgenta Kekal Berdaya Tahan untuk Catat Keuntungan Bersih pada Suku Pertama TK2021

- **Rumusan keputusan kewangan suku pertama TK2021**
  - **Pendapatan** sebanyak RM483.6 juta
  - **Keuntungan bersih** sebanyak RM8.1 juta, didorong oleh prestasi kukuh segmen *Asset Management* Syarikat
  - **Kedudukan tunai bersih** sebanyak RM126.5 juta
  - **Kedudukan baki tunai dan bank** sebanyak RM577.9 juta
  - **Nisbah gearan kasar** sebanyak 0.32 kali ganda
- **Penambahan kontrak** berjumlah lebih RM400 juta; 59% disumbangkan oleh bahagian *Healthcare Support (Commercial)* yang didorong oleh portfolio antarabangsanya
- **Orderbook semasa** berjumlah RM12.0 bilion, mengukuhkan kedudukan Syarikat untuk jangka panjang sehingga tahun 2038

**KUALA LUMPUR, 27 Mei** – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini, mengumumkan keputusan kewangan yang belum diaudit bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2021 (“suku pertama TK2021”), hari ini.

Untuk tempoh suku pertama TK2021, UEM Edgenta mencatatkan pendapatan sebanyak RM483.6 juta berbanding RM501.9 juta pada suku yang sama tahun sebelumnya (“suku pertama TK2020”). Syarikat turut mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM8.1 juta, berbanding RM12.1 juta pada suku pertama TK2020.

Syarikat mengekalkan lembaranimbangan yang kukuh dengan nisbah gearan kasar sebanyak 0.32 kali ganda, kedudukan tunai bersih positif sebanyak RM126.5 juta, dan kedudukan baki tunai dan bank sebanyak RM577.9 juta.

“Kami terus mengekalkan prestasi memberangsangkan melalui *orderbook* kami yang kukuh dalam perniagaan komersial penjagaan kesihatan, yang secara progresifnya telah menyumbangkan kepada penambahan jumlah *orderbook* kami melebihi RM12.0 bilion. Walaupun Syarikat memenangi kontrak baharu dalam segmen *Infrastructure Services* dan *Asset Management*, Perintah Kawalan Pergerakan (“PKP”) semasa telah memberi kesan terhadap penangguhan kerja-kerja yang dirancang berikutan peningkatan kes harian COVID-19 yang mendadak. Namun, Syarikat dapat menyesuaikan diri dan kekal berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan memandangkan lembaran

imbangan dan kedudukan aliran tunai kami yang kukuh,” kata Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

Berdasarkan portfolio Syarikat yang pelbagai, UEM Edgenta terus mengembangkan *orderbook* Syarikat dan telah memperoleh kontrak baharu bernilai lebih RM400 juta pada suku pertama TK2021. Bahagian *Healthcare Support* Syarikat, terutamanya portfolio *Commercial*, memperoleh 59% daripada jumlah kontrak baharu berjumlah RM240 juta, dari pasaran antarabangsa di Singapura dan Taiwan. Ini mewakili sebahagian besar perolehan kontrak baharu Syarikat, sejajar dengan strategi baharu *Edgenta of the Future 2025* (“EoTF 2025”). *Orderbook* semasa Syarikat kekal mantap sebanyak RM12.0 bilion, mengukuhkan kedudukan Syarikat untuk jangka panjang sehingga tahun 2038.

UEM Edgenta telah memainkan peranan penting dalam menyokong usaha pemulihan negara untuk mengekang pandemik COVID-19 dan kekal komited dalam usahanya sehingga ke hari ini. Syarikat yakin bahawa keadaan kembali normal selepas pandemik ini dan akan menyaksikan permintaan yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan dan penyelesaian penjagaan kesihatannya. Selain itu, UEM Edgenta turut menjangkakan akan memperoleh keuntungan daripada pemulihan pasca pandemik dalam sektor pengangkutan melalui penyambungan semula kerja-kerja tidak kritikal dan turapan serta merealisasikan kerja-kerja yang tertangguh daripada TK2020 untuk perkhidmatan perundingan infrastruktur dan asetnya.

“UEM Edgenta mempunyai peluang yang luas sebagai penggerak utama dalam usaha pemulihan pandemik ini. Strategi EoTF 2025 kami telah mula terbentuk dan kami tetap teguh dalam usaha untuk membina perniagaan yang berdaya tahan pada masa hadapan bagi menjamin pulangan yang mampan. Kami akan terus memberi tumpuan kepada usaha pendigitalan dalam perniagaan kami, pengoptimuman kos dan pengembangan ke pasaran baharu,” kata Syahrudin Samsudin.

UEM Edgenta juga baru-baru ini telah menjalinkan kerjasama dengan PLUS Malaysia Berhad (“PLUS”) untuk memperluaskan penyelesaian digital dalam operasi penyelenggaraan lebuhraya melalui *Road Asset Management System* (“RAMS”) yang membolehkan aktiviti perancangan penyelenggaraan jalan untuk menguruskan lebih 1,000 kilometer aset lebuhraya PLUS bagi jangka pendek dan jangka panjang. Sejajar dengan strategi pengembangannya ke pasaran baharu, UEM Edgenta telah menandatangani Memorandum Eksplorasi Perniagaan (“MoBE”) dengan Asma Advanced Solutions LLC untuk meneroka dan mengenal pasti potensi perkhidmatan sokongan kesihatan serta peluang pengurusan kemudahan bersepadu di Arab Saudi. Perkhidmatan dan penyelesaian baharu juga telah diperkenalkan oleh Syarikat sebagai sebahagian daripada penawaran penyelesaian perniagaan COVID-19 di mana UEM Edgenta telah secara aktif mengambil bahagian melalui pelbagai tawaran untuk membangunkan aliran pendapatan baharu.

Manakala bagi keputusan kewangan untuk segmen Syarikat pula, pendapatan daripada segmen *Asset Management* telah meningkat sebanyak RM44.2 juta daripada RM307.9 juta pada suku pertama TK2020 kepada RM352.2 juta pada suku pertama TK2021, yang didorong oleh penambahan kontrak *Healthcare Support* di Malaysia, Taiwan, dan Singapura. Peningkatan dalam segmen ini juga didorong oleh projek baharu dalam Pengurusan Kemudahan Bersepadu (“IFM”) dan Kontrak Prestasi Tenaga (“EPC”) di Malaysia oleh bahagian *Property & Facility Solutions* (“PFS”) Syarikat. Segmen *Asset Management* mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM27.6 juta, peningkatan sebanyak RM11.1 juta daripada RM16.5 juta tahun ke tahun, disumbangkan terutamanya oleh penambahan kontrak baharu di bawah bahagian *Healthcare Support*.

Bahagian *Healthcare Support*, yang kini menyediakan perkhidmatan kepada lebih 300 buah hospital di Malaysia, Singapura, Taiwan dan India, telah mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 12.8% daripada RM274.5 juta pada suku sebelumnya kepada RM309.5 juta pada suku ini. Berikutan itu, keuntungan sebelum cukai juga telah meningkat daripada RM8.8 juta pada suku pertama TK2020 kepada RM19.8 juta pada suku pertama TK2021.

Sementara itu, bahagian *Property & Facility Solutions* Syarikat mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 27.7% daripada RM33.4 juta pada suku yang sama tahun sebelumnya kepada RM42.6 juta pada suku semasa. Peningkatan pendapatan ini didorong terutamanya oleh projek baharu di Dubai, perkhidmatan IFM untuk cawangan CIMB di seluruh negara dan kontrak EPC baharu untuk Hospital Sultan Abdul Halim. Bahagian ini mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM7.8 juta berbanding RM7.7 juta pada suku yang sama tahun sebelumnya.

Meskipun berdepan suku tahunan yang mencabar, segmen *Infrastructure Solutions* Syarikat mencatatkan pendapatan sebanyak RM128.9 juta berbanding dengan RM193.9 juta pada suku yang sama tahun sebelumnya. Ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan untuk lebuhraya sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Selain itu, pengurangan kerja-kerja perundingan yang dilakukan oleh bahagian *Asset Consultancy* turut menyumbang kepada penurunan pendapatan untuk segmen ini. Berdasarkan perbandingan dari tahun ke tahun, segmen ini mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM2.3 juta berbanding RM15.4 juta.

Di bawah segmen ini, bahagian *Infrastructure Services* Syarikat mencatatkan pendapatan sebanyak RM109.3 juta berbanding RM167.4 juta pada suku yang sama tahun sebelumnya. Ini disebabkan terutamanya oleh penangguhan kerja-kerja tidak kritikal dan penyelesaian kerja semasa. Bahagian ini turut mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM6.1 juta pada suku pertama TK2021 berbanding RM14.2 juta pada suku pertama TK2020.

Bahagian *Asset Consultancy* Syarikat, yang diwakili oleh Opus Consultants, mencatatkan pendapatan sebanyak RM19.6 juta berbanding RM26.5 juta pada suku yang sama tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh penyelesaian projek dan kelewatan serta penangguhan projek semasa berikutan pandemik COVID-19. Bahagian ini mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM3.8 juta pada suku pertama TK2021 berbanding keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.2 juta pada suku pertama TK2020, didorong oleh penurunan pendapatan dan cabaran mobilisasi yang membawa kepada penggunaan kakitangan projek yang lebih rendah.

-Tamat-

**Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.